




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

28 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 965 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 195,980 kes. Sebanyak 38 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu sembilan (9) kes di Tawau, empat (4) kes di Kota Kinabalu dan Putatan, tiga (3) kes di Sandakan dan Kunak, dua (2) kes di Lahad Datu, Kota Marudu dan Beaufort manakala masing-masing satu (1) kes di Semporna, Keningau, Papar, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Kudat, Ranau dan Tenom. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,367 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 176,090 orang. Manakala 3,220 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,232 orang di hospital, 1,942 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 38 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 139 orang merangkumi 124 di ICU/repurposed kritikal care serta 15 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 48 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Pada hari ini, kumulatif jangkitan bagi Negeri Sabah mengalami peningkatan yang agak besar namun masih di bawah paras (1,000) kes. Kumulatif angka kes yang direkodkan pada hari ini adalah sebanyak (965) kes dengan peningkatan sebanyak (+214) kes.
- b Sehingga kini, kes harian tertinggi yang pernah direkodkan di Negeri Sabah adalah sebanyak (3,487) kes yang dicatatkan pada 26 Ogos 2021.
- c Data dalam 30 hari jika diterjemahkan dalam bentuk graf akan memperlihatkan Sabah sedang mengalami trend penurunan walaupun rekod harian adalah tidak statik. Adalah sukar untuk menjangka atau meramal sama ada pada hari berikutnya akan berlaku peningkatan atau penurunan kes. Ini ialah kerana pembolehubah (variable) terbesar yang mempengaruhi jumlah peningkatan atau penurunan kes adalah sejauh mana pematuhan masyarakat terhadap SOP yang telah digariskan.
- d Peratusan jumlah positif melalui Saringan Bergejala amat tinggi di beberapa daerah. Antaranya di Lahad Datu, (52) daripada (96) kes di daerah tersebut adalah dari kategori Saringan Bergejala, (43) daripada (64) kes di Sandakan, (16) daripada (40) kes di Tawau, (23) daripada (36) kes di Kota Belud dan (44) daripada (105) kes di Kota Marudu. Kes-kes bergejala (kes sporadik) sering dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP. Mengikut ramalan awal, kes di Sabah berkemungkinan akan naik semula apabila keputusan saringan keatas kontak mereka yang bergejala diketahui.
- e Dapat dirumuskan pada hari ini trend peningkatan kumulatif harian Negeri Sabah adalah sejajar dengan jumlah daerah yang merekodkan peningkatan kes iaitu (19) daerah, dengan kumulatif peningkatan kes bagi keseluruhan daerah tersebut adalah (+359) kes. Bilangan daerah yang merekodkan penurunan kes adalah lapan (8) daerah dengan kumulatif penurunan kes sebanyak (-145) kes.

- f Daerah lain yang merekodkan peningkatan ketara pada hari ini ialah Kota Marudu 105 (+78) kes, Ranau 88 (+71) kes, Keningau 96 (+21) kes, Tuaran 65 (+19) kes, Pitas 36 (+17) kes, Nabawan 29 (+15) kes, Sipitang 23 (+14) kes dan Beaufort 19 (+13) kes.
- g Bagi kawasan bandar utama pula, Kota Kinabalu mencatatkan penurunan kes apabila merekodkan (95) kes pada hari ini dengan penurunan sebanyak (-45) kes. Angka kes bagi bandar-bandar lain ialah Lahad Datu 96 (+46) kes, Kudat 21 (+14) kes, Tawau 40 (+11) kes, Putatan 27 (+6) kes, Sandakan 64 (+4) kes, Penampang 19 (-17) kes dan Semporna 11 (-1) kes.
- h Manakala daerah yang merekodkan penurunan ketara pula ialah Kinabatangan 15 (-52) kes dan Papar 26 (-11) kes.
- i Kes daftar tertunggak telah berkurangan dan kurang daripada 3% kes yang didaftar tertunggak bagi kes melebihi 4 hari ke atas. Daripada (965) kes yang didaftar hari ini, (229) kes atau 23.7% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (21) kes atau 2.18% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan lima (5) kes atau 0.52% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui. Terdapat lapan (8) kes melibatkan OKT atau Banduan yang direkodkan hari ini.
- j Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (566) kes atau 58.7%, Saringan Bergejala (331) kes atau 34.4%, empat (4) kes atau 0.4% daripada Saringan Kluster, sifar (0) kes dari Saringan Bersasar dan (64) kes atau 6.6% melalui Saringan Lain-lain.
- k Daripada (965) kes yang berdaftar hari ini, (180) kes atau 18.65% adalah pesakit dalam Kategori 1, (707) kes atau 73.26% dalam Kategori 2, lapan (8) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5. (59) kes masih dalam siasatan. 95.44% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- l Kerajaan bercadang untuk beralih ke Sistem Zon sebagai peralihan berkala daripada sekatan Rentas Daerah kepada Rentas Zon bermula 1 Oktober 2021 dengan syarat kadar vaksinasi lengkap bagi penduduk dewasa Negeri Sabah telah mencapai 60% dan setiap daerah dalam setiap zon juga telah mencapai nilai ambang 60% penduduk dewasa yang lengkap divaksin.

- m Mana-mana daerah dalam zon yang belum mencapai 60% penduduk dewasa lengkap divaksinasi dengan sendirinya terasing daripada zon sehingga mereka mencapai nilai ambang 60% kadar vaksinasi lengkap penduduk dewasa bagi daerah tersebut dan kekal dengan status "*stand alone district*".
- n Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (566) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	4	0.4%
2	Bergejala	331	34.3%
3	Kontak	566	58.7%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	64	6.6%
JUMLAH		965	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/09/2021	Catatan Kes 28/09/2021	Perbandingan
1	Kota Marudu	27	105	+78
2	Ranau	17	88	+71
3	Lahad Datu	50	96	+46
4	Keningau	51	72	+21
5	Tuaran	46	65	+19
6	Pitas	19	36	+17
7	Nabawan	14	29	+15
8	Sipitang	9	23	+14
9	Kudat	7	21	+14
10	Beaufort	6	19	+13
11	Tawau	29	40	+11
12	Tambunan	2	11	+9
13	Tenom	14	22	+8
14	Putatan	21	27	+6
15	Telupid	12	17	+5
16	Kuala Penyu	1	5	+4
17	Sandakan	60	64	+4
18	Tongod	2	5	+3
19	Kalabakan	1	2	+1
20	Kinabatangan	67	15	-52
21	Kota Kinabalu	140	95	-45
22	Penampang	36	19	-17
23	Papar	37	26	-11
24	Beluran	17	10	-7
25	Kota Belud	43	36	-7
26	Kunak	11	6	-5
27	Semporna	12	11	-1
JUMLAH		751	965	+214

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (14 – 27 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Marudu	0	60	44	0	1	105	1,013
Lahad Datu	0	40	52	0	4	96	1,408
Kota Kinabalu	0	63	27	0	5	95	2,582
Ranau	0	68	14	0	6	88	888
Keningau	0	51	18	0	3	72	1,053
Tuaran	0	53	9	0	3	65	1,114
Sandakan	0	16	43	0	5	64	1,452
Tawau	0	19	16	0	5	40	784
Kota Belud	0	10	23	0	3	36	895
Pitas	0	11	14	0	11	36	653
Nabawan	4	22	3	0	0	29	407
Putatan	0	17	8	0	2	27	679
Papar	0	24	0	0	2	26	907
Sipitang	0	23	0	0	0	23	134
Tenom	0	8	12	0	2	22	386
Kudat	0	14	5	0	2	21	368
Penampang	0	11	8	0	0	19	843
Beaufort	0	5	14	0	0	19	195
Telupid	0	15	1	0	1	17	323
Kinabatangan	0	12	3	0	0	15	701
Semporna	0	0	4	0	7	11	144
Tambunan	0	8	2	0	1	11	184
Beluran	0	6	3	0	1	10	484
Kunak	0	1	5	0	0	6	228
Tongod	0	4	1	0	0	5	263
Kuala Penyu	0	4	1	0	0	5	55
Kalabakan	0	1	1	0	0	2	184
JUMLAH	4	566	331	0	64	965	18,327

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	4
JUMLAH		4

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,263 unit

- Hospital 1,996 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,567 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 44.33%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	951
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	5
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	965

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
WP Labuan	2
Selangor	1
Perak	1
Jumlah	5

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	921
Bukan Malaysia	44
Jumlah	965

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	198
Belum Menerima Vaksin	304
Menerima 1 Dos	84
Lengkap 2 Dos	379
Jumlah	965

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	10
1 to 5	79
6 to 11	109
12 to 17	96
18 to 25	112
26 to 59	454
>60	105
Jumlah	965

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 28 September 2021)
1	Ranau	3
2	Kota Belud	2
3	Kota Marudu	2
4	Telupid	2
5	Beluran	1
6	Keningau	1
7	Kudat	1
8	Papar	1
9	Tambunan	1
10	Tawau	1
JUMLAH		15

D PERALIHAN DARI SISTEM SEKATAN RENTAS DAERAH KEPADA SEKATAN RENTAS ZON BERMULA 1 OKTOBER 2021

- 1 Kerajaan Negeri Sabah bersetuju untuk beralih ke Sistem Zon sebagai peralihan berkala daripada sekatan Rentas Daerah kepada Rentas Zon bermula 1 Oktober 2021 dengan syarat kadar vaksinasi lengkap bagi penduduk dewasa Negeri Sabah telah mencapai 60% dan setiap daerah dalam setiap zon juga telah mencapai nilai ambang 60% penduduk dewasa yang lengkap divaksin.
- 2 Mana-mana daerah dalam zon yang belum mencapai 60% penduduk dewasa lengkap divaksinasi dengan sendirinya terasing daripada zon sehingga mereka mencapai nilai ambang 60% kadar vaksinasi lengkap penduduk dewasa bagi daerah tersebut dan kekal dengan status "*stand alone district*".

E PEMBUKAAN SEMULA PERNIAGAAN SPA, SALUN KECANTIKAN, REFLEKSOLOGI, PUSAT KESIHATAN (WELLNESS) DAN URUT KESIHATAN SERTA PERKHIDMATAN PEDICURE DAN MANICURE.

Kerajaan Negeri Sabah bersetuju membuka semula perniagaan spa, salun kecantikan, refleksologi, pusat kesihatan (*wellness*) dan urut kesihatan serta perkhidmatan *pedicure* dan *manicure* mulai 1 Oktober 2021. Pekerja dan pelanggan harus telah lengkap divaksin dan berstatus risiko rendah.

F KEBENARAN MASUK KE MANA-MANA PREMIS

Pemilik premis perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis MESTI berstatus risiko rendah COVID-19 dan menunjukkan bukti telah lengkap vaksinasi. Individu boleh membuktikan telah lengkap divaksin melalui:

- i. Sijil Digital Vaksinasi COVID 19 melalui aplikasi MySejahtera; ATAU
- ii. Kad Vaksinasi COVID-19/ Kad Peringatan Vaksin yang diberikan oleh KKM semasa di PPV bagi individu yang tidak memiliki kemudahan telefon pintar/tiada akaun MySejahtera.

Contoh Kad Vaksinasi COVID-19/ Kad Peringatan Vaksin yang dikeluarkan oleh KKM adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

G PEMBUKAAN SEMULA AKTIVITI PELANCONGAN DAN REKREASI YAKNI PUSAT/PREMIS/PRODUK PELANCONGAN SEPERTI ZOO, PERLADANGAN, AKUARIUM, PUSAT EDUTAINMENT, EXTREME AND ADVENTURE, TAMAN RIMBA DAN LAIN-LAIN.

Pusat/premis/produk pelancongan seperti zoo, perladangan, akuarium, pusat *edutainment*, *extreme and adventure*, taman rimba dan lain-lain DIBENARKAN beroperasi bermula 1 Oktober 2021 dengan syarat semua pengusaha/operator dan pengunjung telah lengkap divaksin dan berstatus risiko rendah.

H PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Kota Marudu <ul style="list-style-type: none">Kampung Kirangawan (Darat dan Tengah)Kampung Pinatau	16 September 2021	Ditamatkan pada 29 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Nuntunan Apin-Apin, Keningau		
3.	Kampung Lungkidau, Ranau		
4	Perumahan Pekerja Ladang Boustead Ruku-Ruku, Telupid		

I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 September 2021 adalah seramai 2,264,603 orang. Ini meliputi 2,027,449 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 73.5% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,750,540 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,750,346 orang atau 63.5% adalah penduduk dewasa.

J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **610,328** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 67 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,266 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 48 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 68 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 17 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Lima (5) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - 11 Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 179 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 47 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,066 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 486 premis perniagaan dan 718 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di CCV Retail Sdn. Bhd., Pick N Pay Far East dan Sudijadi Sdn. Bhd., Hilltop. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis gagal melaksanakan penjarakkan fizikal di Restoran Ocean King. Kesalahan premis beroperasi lebih masa / tanpa kebenaran di Asia City (Pembaiki Kasut).

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 221 Premis Perniagaan melibatkan 146 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 20 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 173 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 178 hebahan di seluruh Sabah.

L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Kunak	97%
3	Tawau	97%
4	Beaufort	97%
5	Beluran	97%
6	Keningau	97%
7	Kota Marudu	97%
8	Tenom	96.5%
9	Tuaran	96.5%
10	Sipitang	96.5%
11	Kota Belud	96.5%
12	Kudat	96.5%
13	Papar	96.5%
14	Kota Kinabalu	96.5%
15	Kinabatangan	96%
16	Lahad Datu	96%
17	Sandakan	96%
18	Ranau	96%
19	Penampang	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

LAMPIRAN A

(Khas untuk individu penerima vaksin CanSino sahaja)